

Tambahan RM20b jika lewat laksana projek tebatan banjir

Dewan Rakyat semalam diberitahu kerajaan perlu membelanjakan RM60 bilion, tambahan RM20 bilion daripada peruntukan asal jika gagal melaksanakan rancangan tebatan banjir (RTB) di seluruh negara ketika ini.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata mengikut kajian yang dijalankan selaras dengan program perubahan iklim, kerajaan perlu membelanjakan RM40 bilion untuk projek pembangunan RTB.

“Jika kita menangguhkan atau tiada sumber kewangan mencukupi untuk projek bernilai RM40 bilion itu, kemung-

kinan kita kena belanja lebih banyak lagi, mungkin RM60 bilion.

Lihat kemampuan kerajaan

“Banyak tempat terbabit dengan banjir, bukan hanya di Sungai Pinang (Pulau Pinang) sahaja, maka tiada satu kawasan pun yang boleh mendakwa kawasan itu lebih kritikal berbanding kawasan lain... perlu melihat kemampuan kerajaan untuk melaksanakan projek itu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika menggulung perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2017 peringkat dasar bagi kementeriannya, di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab pertanyaan P Kasthuriraani (DAP-Batu Kawan) mengenai projek tebatan banjir Sungai Pinang, Wan Junaidi berkata, kerajaan sudah meluluskan peruntukan sebanyak RM150 juta untuk melaksanakan projek itu, bukannya RM350 juta seperti yang disebut.

“Pelaksanaan projek perlu dibuat secara berperingkat... saya tidak boleh berjanji lebih dari itu (RM150 juta) apapun Yang Berhormat cakap, saya tidak boleh sebut lebih daripada itu,” katanya.

Wan Junaidi berkata, kementerian menerusi Jabatan Pengairan dan Saliran melaksanakan program RTB di Sabah tahun ini bernilai RM377 juta.



Jika kita tangguh atau tiada sumber kewangan mencukupi untuk projek bernilai RM40 bilion itu, mungkin kita kena belanja lebih banyak lagi, mungkin RM60 bilion”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar